

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [ BANGI ]**

**TARIKH : 03 OGOS 2020 ( ISNIN )**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan PN akan merancang untuk memperkenalkan pembayaran berdasarkan pendapatan (*income contingent repayments*) untuk pinjaman PTPTN setelah berakhirnya moratorium pembayaran pinjaman pada bulan September 2020. Apakah kos kewangan kepada Kerajaan akibat moratorium pembayaran pinjaman PTPTN selama 6 bulan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mengambil kira situasi ekonomi serta kedudukan kewangan semasa, Kerajaan berpandangan bahawa pelaksanaan kaedah bayaran balik berdasarkan pendapatan dengan izin *Income Contingent Repayment* belum sesuai untuk dilaksanakan dengan mengambil kira jumlah bayaran balik berbanding jumlah pinjaman yang masih belum berbayar atau dengan izin, *Non-Performance Loan* (NPL). Potongan Gaji Berjadual (PGB) mengikut kadar ansuran bulanan sedia ada dikenal pasti sebagai kaedah lebih sesuai untuk dilaksanakan bagi memastikan proses kutipan bayaran balik PTPTN yang lebih mudah dan efisien. Walau bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa mengenal pasti pendekatan terbaik bagi bayaran balik pinjaman yang tidak membebankan peminjam dan dalam masa yang sama kepentingan PTPTN terpelihara.

Selain itu, atas keprihatinan kerajaan bagi membantu meringankan bebanan bayaran balik peminjam, beberapa inisiatif telah diperkenalkan antaranya:

- a. Penganjuran '*Virtual Mini Job Hunt for PTPTN Borrowers*' secara dalam talian dengan kerjasama PERKESO bagi membantu peminjam mendapatkan peluang pekerjaan, seterusnya berupaya membuat bayaran balik pinjaman mereka;
- b. Pelaksanaan penangguhan bayaran balik pinjaman selama enam (6) bulan mulai April hingga September 2020 akibat penularan wabak COVID-19;
- c. Membantu mengurangkan bebanan atau komitmen bayaran balik pinjaman dengan sentiasa terbuka untuk membuat rundingan bagi:
  - i. menstrukturkan semula bayaran balik pinjaman sehingga umur 60 tahun; dan
  - ii. menangguhkan bayaran balik pinjaman sehingga maksimum 24 bulan.

Akibat moratorium selama enam (6) bulan, jumlah anggaran kutipan yang ditangguhkan oleh kerajaan adalah sebanyak RM750 juta. Sekian, terima kasih.